

09 AUG 2003

BSKL-MINGGUAN/I

SAHAM KL DIJANGKA TUNJUK ARAH ALIRAN POSITIF MINGGU HADAPAN

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka bergerak ke arah aliran positif minggu hadapan ketika pelabur institusi dan asing memasuki pasaran, kata seorang penganalisis pasaran.

Katanya, pasaran minggu hadapan dijangka berkisar antara tahap 725-735.

Penganalisis itu berkata, walaupun pasaran menunjukkan arah menurun tiga hari berturut-turut minggu ini disebabkan sentimen lemah di Wall Street, dan kemudian lembap disebabkan insiden pengeboman Jakarta, Indeks Komposit (CI) berupaya meningkat semula pada hari akhir minggu lepas.

"Ini disebabkan laporan positif ekonomi negara dan disokong oleh pelabur yang sudah matang dengan senario semasa di negara ini," kata penganalisis itu.

Katanya, pandangan oleh konsultan pelaburan, Morgan Stanley, yang menyatakan pasaran ekuiti Malaysia bersedia untuk melonjak dalam separuh kedua tahun ini, adalah satu daya tolakan kepada keyakinan pelabur.

Dalam laporan penyelidikan ekuiti terbarunya, konsultan itu menjangka pertumbuhan Malaysia dalam suku kedua akan naik lebih tinggi daripada 4.0 peratus dan keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi seluruh tahun akan berkembang pada 4.0 peratus, melepasi kadar Singapura, Indonesia dan Filipina.

Penganalisis itu berkata, kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri kewangan yang insiden pengeboman di Jakarta pada hari Selasa tidak akan memberi kesan kepada KDNK negara yang diunjurkan kepada 4.5 peratus tahun ini, turut meningkatkan keyakinan pelabur.

Penganalisis itu turut berkata, tidak dinafikan insiden itu merupakan satu faktor menyebabkan penurunan jumlah niaga apabila ramai pelabur mengambil sikap meminggir diri, tetapi ini hanya satu fenomena sementara.

Satu lagi kenyataan positif ialah oleh pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, yang menyatakan pengeboman di Hotel J.W. Marriot Jakarta, tidak dijangka memberi kesan kepada pelaburan dan aliran pelancong di rantau ini.

Katanya, rantau Asean, khususnya Malaysia, masih dilihat sebagai sebuah negara yang berpotensi bagi pelaburan asing.

Seorang penganalisis lain berkata, pakej ekonomi RM7.3 bilion yang diumumkan baru-baru ini yang termasuk pemotongan kadar campur tangan sebanyak 50 mata asas, masih disifatkan satu faktor yang melonjakkan keyakinan.

Katanya, impak daripada pakej itu masih belum kelihatan.

Pada keseluruhannya, jumlah niaga pasaran berada pada tahap rendah, bagaimanapun kekal kukuh, kata penganalisis itu.

Jika berlaku penurunan, ia akan disebabkan kegiatan pengambilan untung, katanya.

Berasaskan Jumaat ke Jumaat, CI menurun 0.82 mata kepada 722.21 daripada 723.03 pada akhir minggu lepas.

Indeks Emas mengurang 0.99 kepada 178.84 daripada 179.83 dan Indeks Papan kedua kurang 4.18 mata kepada 115.96 daripada 120.14 sebelum ini.

Indeks Perusahaan meningkat 14.06 mata pada 1,546.72 berbanding 1,532.66 mata sebelum ini manakala Indeks Kewangan menurun 83.16 mata kepada 5,888.61 daripada 5,971.77 sebelum ini.

Jumlah urus niaga Papan Utama mengurang kepada 1.409 bilion saham bernilai RM2.439 bilion daripada 1.534 bilion saham bernilai RM2.533 bilion

sebelum ini.

Jumlah niaga papan kedua naik kepada 232.462 juta saham bernilai RM321.084 juta daripada 213.767 juta bernilai RM177.027 juta.

Jumlah niaga pasaran MESDAQ naik kepada 39.708 juta saham bernilai RM18.366 juta daripada 10.024 juta saham bernilai RM21.405 juta.

Urus niaga luar pasaran mengurang kepada 153.644 juta bernilai RM219.535 juta daripada 1.425 bilion saham bernilai RM331.680 juta.

Bagi senarai 10 kaunter tertinggi, MCM Technologies turun satu sen kepada 27 sen, Malaysian Resources Corporation naik lima sen kepada 98 sen, IFCA MSC kurang satu sen kepada 42 sen, Willowglen MSC kurang satu sen kepada 31 sen, Premium turun tiga sen kepada 60 sen, dan Oilcorp menurun tujuh sen kepada RM2.04.

Poly Glass Fibre menokok satu sen kepada 49 sen, Kai Peng turun 22 sen kepada RM1.70, Eastern & Oriental - Waran naik 22 sen kepada 44 sen, GHL Systems naik dua sen kepada 50 sen.

Di segi jumlah niaga, MCM Technologies mencatat 101.360 juta saham, Malaysia Resources Corporation 98.466 juta saham, IFCA MSC 91.504 juta saham, Willowglen MSC 77.972 juta saham, Premium 67.693 juta saham.

Oilcorp 50.976 juta saham, Poly Glass Fibre 44.666 juta saham, Kai Peng 42.032 juta saham, Eastern & Oriental - Waran 39.428 juta saham, dan GHL Systems 38.502 juta saham diniagakan.

Mengikut sektor, produk pengguna mencatat 47.749 juta saham diniagakan di papan kedua, produk perusahaan 171.5 juta, pembinaan 137.069 juta, perdagangan/perkhidmatan 394.556 juta, teknologi 7.364 juta, prasarana 18.555 juta, kewangan 146.840 juta, hotel 20.716 juta, harta 194.753 juta, perladangan 46.248 juta, perlombongan 1.214 juta, amanah 95,100, tertutup/dana 1.775, keadaan PN4 21.330 juta, pinjaman 10.901 juta, TSR/Waran 187.606 juta, dan TSR/Waran (PN4) 34,000. -- BERNAMA

TNS FR AHM